

PEMBANGUNAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH DI BAWAH YAYASAN SABAH 1966-2000

UMI SAIDATUL ARRYENNAH BT. MADSAH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

**PEMBANGUNAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH DI BAWAH YAYASAN
SABAH 1966-2000**

UMI SAIDATUL ARRYENNAH BT. MADSAH

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024

ij sejarah@fsk.upsi.edu.my/UPSiIP
S-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

ii

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 15 OKTOBER 2024

i. Perakuan pelajar :

Saya, UMI SAIDATUL ARRYENNAH BT. MADSAH, P20201000499, FAKULTI SAINS DAN KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMBANGUNAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH DI BAWAH YAYASAN SABAH 1966-2000

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. KHAIRI ARIFFIN (NAMA PENYELIA) dengan ini

mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMBANGUNAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH DI BAWAH YAYASAN SABAH 1966-2000

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah KEDOKTORAN. (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia
PROFESOR DR KHAIRI BIN ARIFFIN
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s, 1/1
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PEMBANGUNAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH DI BAWAH
YAYASAN SABAH 1966-2000

No. Matrik / Matric's No.: P20201000499

Saya / I : UMI SAIDATUL ARRYENNAH BT. MADSAH
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

aerin
UMI SAIDATUL ARRYENNAH BT. MADSAH
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

[Signature]
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

PROFESOR DR KHAIRI BIN ARIFFIN

Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemasyarakatan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan izin-NYA, tesis ini berjaya disiapkan. Dalam usaha mengumpul bahan-bahan kajian sehingga ke penulisan laporan, kajian ini mendapat bantuan secara langsung dan tidak langsung daripada pelbagai individu dan institusi.

Terima kasih tidak terhingga buat Professor Dr. Khairi bin Ariffin selaku penyelia yang banyak bersabar dalam memberikan nasihat, bimbingan dan panduan. Tanpa beliau, agak sukar tesis ini dapat dilengkapkan. Ucapan terima kasih juga buat seluruh staf Fakulti Sains dan Kemanusiaan UPSI dan Institut Pengajian Siswazah UPSI yang banyak memudahkan urusan sehingga tesis ini berjaya disempurnakan. Semangat dan kerja keras kalian turut memberikan warna dalam perjalanan ini.

Teristimewa buat kedua orang tuaku, baba En. Madsah Hj. Jaragan dan *mummy* Pn. Harryateh Hajat yang tidak putus-putus memberikan kasih sayang, doa, suntikan semangat dan sanggup berkorban untuk pendidikanku serta adik-adik Mohd Mirza dan Qaleysya Qayla sejak kecil hingga dewasa. Semoga terus diberikan kekuatan dalam mendidik kami dan sentiasa dalam lindungan-NYA. Tidak ketinggalan buat seluruh keluarga Hj. Jaragan bin Abdul Rahman dan Hj. Rayan Musi serta Hj. Hajat bin Lassin dan Hj. Nuriah Lambut atas motivasi, saling menyokong dan menghargai sesama kita.

Buat suami tersayang En. Yusri bin Orong, terima kasih kerana menjadi sumber kekuatan dan motivasi utama, yang banyak bersabar, selalu berkongsi cinta dan sering mengingatkanku untuk percaya kepada proses. Ucapan sayang dan terima kasih juga dititip khas buat anak-anak kami yang masih kecil iaitu Mohamed Aaqeef Yusoff dan Mehmed Aareeq Yahya yang sentiasa akur dengan ketetapan masa, memberi ruang untukku menulis sehingga menjadikan diriku seorang mama yang lebih tabah dan bersemangat mencapai impian.

Terima Kasih yang tidak terhingga buat Kementerian Pendidikan Malaysia (penaja HLPS), Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Pejabat Pendidikan Daerah Kudat, Arkib Negara Malaysia Cawangan Sabah, Yayasan Sabah, Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris Perak, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakaan Penyelidikan Yayasan Sabah, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, semua responden temu bual, Guru Besar dan seluruh rakan-rakan SK Sikuati, Kudat Sabah, para sahabat lain yang sentiasa berkongsi doa, nasihat, motivasi sepanjang menjalankan kajian.

Semoga tesis ini bermanfaat buat semua pembaca. Semoga semua kebaikan kalian dibalas dengan keberkatan dan ganjaran pahala yang sentiasa mengalir. Akhir sekali, semoga kejayaan dan kebahagiaan sentiasa menyertai kita.

Terima kasih.





ABSTRAK

Tesis ini tentang pembangunan pendidikan negeri Sabah di bawah Yayasan Sabah tahun 1966 hingga tahun 2000. Yayasan Sabah menggerakkan pendidikan di negeri Sabah dengan melibatkan program komprehensif iaitu biasiswa, bantuan kewangan, dan geran dalam bantuan. Pembangunan pendidikan di bawah Yayasan Sabah mendapat cabaran dari aspek perluasan jaringan pendidikan kerana kepelbagaian kaum di Sabah. Hal ini ditambah lagi dengan faktor geografi di Sabah yang terlalu luas sehingga aspek menyebarkan pendidikan di Sabah agak sukar. Metodologi kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif iaitu menekankan analisis dokumen dan manuskrip. Antara sumber primer yang digunakan dalam kajian ini termasuklah fail-fail nota taklimat Yayasan Sabah, enakmen, minit mesyuarat Dewan Undangan Negeri Sabah, dan laporan tahunan Yayasan Sabah. Temu bual juga dijalankan melibatkan tokoh-tokoh penting yang pernah berkhidmat dengan Yayasan Sabah. Tokoh penting tersebut iaitu mantan Ketua Menteri Sabah, mantan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan alumni Yayasan Sabah. Dapatan kajian menunjukkan Yayasan Sabah telah ditubuhkan melalui dua peringkat perkembangan sehingga termaktub di dalam Enakmen No. 8 tahun 1966. Antara sumbangan Yayasan Sabah termasuklah pemberian biasiswa, dermasiswa, pinjaman dan penggalakan institusi pendidikan di negeri Sabah. Segala usaha penyebaran pendidikan dapat dilaksanakan dengan mudah kerana Yayasan Sabah dapat memberi fokus dengan kawasan di negeri Sabah. Secara kesimpulannya, tesis ini menunjukkan Yayasan Sabah telah memberikan sumbangan yang besar dalam perkembangan pendidikan anak-anak negeri Sabah. Implikasi tesis ini Yayasan Sabah dapat memberikan panduan kepada pembuat dasar dalam menambah baik operasi dan pelaksanaan organisasi dalam Yayasan Sabah.



SABAH EDUCATION DEVELOPMENT UNDER SABAH FOUNDATION IN 1966-2000

ABSTRACT

This thesis is about the development of education in the state of Sabah under the Sabah Foundation from 1966 to 2000. The Sabah Foundation mobilizes education in the state of Sabah by involving comprehensive programs such as scholarships, financial aid, and grants in aid. The development of education under the Sabah Foundation is challenged by the expansion of the education network due to the diversity of races in Sabah. This is compounded by the geographical factor in Sabah which is too wide so that the aspect of spreading education in Sabah is quite difficult. The methodology of this study is to use a qualitative method which emphasizes the analysis of documents and manuscripts. Among the primary sources used in this study include Yayasan Sabah's briefing note files, enactments, Sabah State Legislative Assembly minutes, and Yayasan Sabah's annual report. Interviews were also conducted involving important figures who had served with Yayasan Sabah. The important figures are the former Chief Minister of Sabah, the former Director of the Sabah State Education Department and Sabah Foundation alumni. The findings of the study show that Yayasan Sabah was established through two stages of development until enshrined in Enactment No. 8 of 1966. Yayasan Sabah's contributions include the provision of scholarships, endowments, loans and the promotion of educational institutions in the state of Sabah. All efforts to spread education can be carried out easily because Yayasan Sabah can focus on areas in the state of Sabah. In conclusion, this thesis shows that Yayasan Sabah has made a great contribution to the development of the education of Sabah's children. The implication of this thesis is that Yayasan Sabah can provide guidance to policy makers in improving the operations and implementation of organizations in Yayasan Sabah.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI GAMBAR	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii

**BAB 1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	6
1.3	Objektif Kajian	8
1.4	Soalan Kajian	8
1.5	Metodologi Kajian	9
1.6	Kajian Literatur	10
1.7	Skop Kajian	26
1.8	Kepentingan Kajian	26
1.9	Definisi Istilah	30
1.10	Pembahagian Bab	33
1.11	Kesimpulan	35



**BAB 2 LATAR BELAKANG PENUBUHAN YAYASAN SABAH**

2.1	Pengenalan	36
2.2	Latar Belakang	37
2.3	Sejarah Awal Penubuhan Yayasan Sabah	44
2.4	Matlamat Penubuhan Yayasan Sabah	57
2.5	Struktur Organisasi Yayasan Sabah	59
2.5.1	Bahagian Perkhidmatan Kesihatan dan Paramedik	63
2.5.2	Perkhidmatan Ambulan Yayasan Sabah (PAYS)	65
2.5.3	Perpustakaan Penyelidikan Sabah	65
2.5.4	Pejabat Cawangan Kuala Lumpur	68
2.5.5	Bahagian Kaunseling dan Kerjaya	69
2.5.6	Bahagian Pembangunan Pelajaran	71
2.5.7	Operasi Hutan dan Pembalakan	90
2.5.8	Operasi Perkapalan	91
2.5.9	Projek Pembangunan Harta Benda	93
2.6	Perubahan Yayasan Sabah	95
2.7	Bangunan Yayasan Sabah	105
2.8	Pendapatan Yayasan Sabah	110
2.9	Kejayaan Yayasan Sabah 1966-1991	132
2.10	Kesimpulan	147

BAB 3 YAYASAN SABAH DALAM PENDIDIKAN ANAK NEGERI

3.1	Pengenalan	148
3.2	Perkembangan Yayasan Sabah dalam Aspek pendidikan	149
3.2.1	Biasiswa-Biasiswa bagi Pelajaran Menengah	150
3.2.2	Biasiswa-Biasiswa bagi Pengajian Tinggi	166



3.2.3	Anugerah Biasiswa Cemerlang Negeri Sabah	183
3.2.4	Pinjaman untuk Pelajaran Tinggi	188
3.2.5	Dermasiswa Pengajian Tinggi	199
3.2.6	Bantuan Kewangan kepada Pelajar	212
3.2.7	Biasiswa dan Tanggungan Mangsa Nahas Kapal Terbang	214
3.2.8	Biasiswa Anak Pegawai Tentera dan Polis yang Terkorban	215
3.2.9	Pemberian Bantuan Wang untuk Projek dan Kegiatan Luar	217
3.2.10	Skim Pembahagian Percuma	227
3.3	Perkembangan Yayasan Sabah dalam Aspek Fasiliti Pendidikan	241
3.3.1	Penggalakkan Institusi-Institusi Pengajian Tinggi di Sabah	241
3.3.2	Pembinaan Asrama di Semenanjung: Asrama Kinabalu-Universiti Malaya	245
3.3.3	Pembinaan Asrama-Asrama untuk Pelajar Luar Bandar	246
3.3.4	Pusat Perkembangan Kanak-Kanak	250
3.3.5	Perpustakaan	258
3.4	Perkembangan Yayasan Sabah dalam Aspek Sosial	262
3.4.1	Skim Pembahagian Wang Tunai Amanah Rakyat Sabah	262
3.4.2	Perkhidmatan Doktor Udara	267
3.4.3	Perkhidmatan Ambulan Yayasan Sabah (PAYS)	276
3.4.4	Perkhidmatan Pendidikan Kesihatan Luar Bandar	280
3.4.5	Perkhidmatan Paramedik	281
3.4.6	Pembangunan Insan	283
3.5	Kesimpulan	299

**BAB 4 YAYASAN SABAH DALAM PERKEMBANGAN PENDIDIKAN**

4.1 Pengenalan	301
4.2 Implikasi Penubuhan Yayasan Sabah dalam Aspek Pendidikan	302
4.2.1 Membuka Peluang Anak-Anak Negeri Sabah Melanjutkan Pelajaran	305
4.2.2 Pengembangan Institusi-Institusi Pendidikan dalam Negeri Sabah	307
4.2.3 Meningkatkan Tahap Pendidikan Anak-Anak Tajaan Yayasan Sabah	317
4.3 Implikasi Penubuhan Yayasan Sabah dalam Aspek Sosial	330
4.3.1 Memupuk Hubungan Antara Kaum	330
4.3.2 Pembangunan Insan	334
4.4 Implikasi Penubuhan Yayasan Sabah dalam Aspek Pembangunan	342
4.4.1 Kompleks Bangunan Ibu Pejabat	342
4.4.2 Kompleks Sukan	345
4.4.3 Pembangunan Berhadapan Laut di Kota Kinabalu	347
4.5 Implikasi Penubuhan Yayasan Sabah dalam Aspek Ekonomi	347
4.5.1 Peningkatan Sumber Yayasan Sabah: Pengeluaran Kayu Balak	348
4.5.2 Perkembangan Projek-Projek Usaha Sama Yayasan Sabah	349
4.6 Kesimpulan	355

BAB 5 CABARAN YAYASAN SABAH DALAM PEMBANGUNAN PENDIDIKAN

5.1 Pengenalan	356
5.2 Cabaran dalam Aspek Geografi	357
5.3 Cabaran dalam Membuat Penilaian	364
5.4 Cabaran Pengambilan Pelajar Mengikut Suku Kaum	368



5.5 Cabaran Tekanan Ekonomi	372
5.6 Cabaran Kakitangan Kurang Produktif	374
5.7 Cabaran Kemudahan Sekolah yang Daif	376
5.8 Cabaran Pendedahan Pendidikan Makanan Sihat dalam Kalangan Ibu Bapa	376
5.9 Kesimpulan	378
BAB 6 PENUTUP	379
RUJUKAN	386
LAMPIRAN	

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Pecahan Penggunaan Keuntungan Kayu Balak	112
3.1	Jumlah Pelajar yang Mendapat Biasiswa Melanjutkan Pelajaran ke Semenanjung	155
3.2	Bilangan Pelajar dan Jumlah Perbelanjaan Biasiswa Pendidikan Menengah Tahun 1993-2000	164
3.3	Bilangan Pelajar dan Jumlah Perbelanjaan Biasiswa Pengajian Tinggi Tahun 1967-1977	168
3.4	Bilangan Pelajar dan Jumlah Perbelanjaan Biasiswa Pengajian Tinggi Tahun 1993-2000	179
3.5	Jumlah Penerima Anugerah Biasiswa Cemerlang Negeri Sabah (ABCNS) 1990-1992	183
3.6	Jumlah Penerima Anugerah Biasiswa Cemerlang Negeri Sabah (ABCNS) 1990-2000	184
3.7	Jumlah Pinjaman Pengajian Tinggi dan Jumlah Kutipan Balik Pinjaman Sepanjang 1968 Sehingga 2000	189
3.8	Jumlah Pinjaman, Perbelanjaan, Tawaran Pinjaman dan Jumlah Bayaran Balik Pelajar Pengajian Tinggi	197
3.9	Jumlah Dermasiswa Pengajian Tinggi Tahun 1973-2000 bagi Pelajar Pra-Universiti (Pra-U) dan Universiti Teknologi Mara (Uitm)	200
3.10	Dermasiswa Pengajian Tinggi Tahun 1973-2000 bagi Pelajar Politeknik dan Institut Kemahiran Mara (IKM)	203
3.11	Jumlah Perbelanjaan Dermasiswa	208
3.12	Jumlah Pemberian Biasiswa Anak Pegawai Tentera dan Polis yang Terkorban di Sabah	215





3.13	Nilai Pemberian Biasiswa Pelajaran Anak-Anak Pegawai Tentera dan Polis yang Terkorban Semasa Berkhidmat di Sabah	216
3.14	Jumlah Pemberian Bantuan Wang Untuk Projek dan Kegiatan Luar	218
3.15	Laporan Jumlah Klien yang Menerima Nasihat dan Kaunseling dan Jumlah Penuntut yang Menerima Ceramah	221
3.16	Jumlah yang Terlibat dalam Seminar dan Perbengkelan	223
3.17	Jumlah pelajar yang Ditempatkan dalam Pekerjaan dan Latihan amali	224
3.18	Jumlah yang Mendapat Nasihat Peribadi/Kaunseling melalui Telefon dan Surat	225
3.19	Jumlah Penerimaan Buku Tulis dan Alat Tulis serta Perbelanjaan Tiap Tahun	232
3.20	Bilangan Dozen Pensel yang Diagihkan kepada Murid Sekolah Rendah dan Menengah	234
3.21	Jumlah Buku Perpustakaan Penyelidikan Tun Fuad Stephens	260
3.22	Rumusan Penerima Amanah Rakyat Sabah 1971 sehingga 1985	265
3.23	Jumlah Kes Rawatan Mengikut Tahun	279
4.1	Perbandingan Bilangan Sekolah dan Pelajar dalam tahun 1968 dan 1978.	309
4.2	Senarai Sekolah yang Ditubuhkan di Negeri Sabah	312
4.3	Keputusan SRP, SPM dan STPM bagi pelajar-pelajar Yayasan Sabah di Semenanjung Malaysia dari tahun 1970-1986	322
4.4	Bilangan Bekas Pelajar-Pelajar Tajaan Yayasan Sabah yang berjaya Melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat universiti	323





4.5	Pemberian Biasiswa Asrama dan Harian Mengikut Tingkatan	325
4.6	Perbandingan Antara Biasiswa Anak Negeri dengan Biasiswa Yayasan Sabah dari 1967 hingga 1972	328
5.1	Jumlah guru di sekolah rendah dan menengah kerajaan di Malaysia	361
5.2	Rumusan Pengambilan Pelajar-Pelajar Sabah ke Sekolah-Sekolah Menengah di Semenanjung Malaysia mengikut bahagian dari tahun 1968-1986	365
5.3	Rumusan Pengambilan Pelajar Sabah Mengikut Kaum ke Sekolah Menengah	372
5.4	Perbelanjaan Yayasan Sabah pada tahun 1981	373





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Carta Organisasi Yayasan Sabah 1986	60
2.2	Carta Organisasi Bahagian Pembangunan Pelajaran 1986	71
2.3	Carta Organisasi Yayasan Sabah 1985	98



**SENARAI GAMBAR**

No. Gambar		Muka Surat
2.1	Logo Yayasan Sabah Yang Pertama (1966)	39
2.2	Logo Yayasan Sabah Yang Pertama (1980)	40
2.3	Logo Yayasan Sabah Yang Ketiga (2004-kini)	41
2.4	Makna Logo Yang Mencerakkan Bentuk Manusia	42
2.5	Makna Logo Yang Mencerakkan Bentuk Topi Segi Empat	43
2.6	Makna Logo Yang Mencerakkan Hujung Panah	43
2.7	Makna Logo Yang Mencerakkan Penjuru Enam Segi	44





SENARAI SINGKATAN

ILKP	Institut Latihan Perkembangan Kanak-Kanak
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
JPRS	Jabatan Prasekolah dan Sekolah Rendah
Kg	Kampung
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PAYS	Perkhidmatan Ambulans Yayasan Sabah
PENDIKA	Pendidik Kanak-Kanak
PESUKA	Pengasuh Kanak-Kanak
PPI	Pusat Pembangunan Insan
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia





SENARAI LAMPIRAN

- A Yayasan Sabah Board Of Trustee (1986)
- B Carta Organisasi Yayasan Sabah 1966-1983
- C Carta Organisasi Yayasan Sabah 1985
- D Yayasan Sabah Organisation Chart 1986
- E Carta Organisasi Pusat Perkembangan Kanak-Kanak Yayasan Sabah
- F Jawatankuasa Khas (Petugas) yang Mencadangkan Program Latihan
- G Bilangan Pelajar/Biasiswa dalam Negeri Mengikut Tahun Setakat Disember 1986
- H Sistem Pembahagian Markah Ke Atas Permohonan Mendapatkan Biasiswa Asrama dan Harian
- I Jumlah Pelajar Pinjaman Universiti Tempatan Mengikut Tahun Kemasukan 1970-1986
- J Proses Pembinaan Bangunan Yayasan Sabah 1976-1977
- K Gambar Penghantaran Pelajar-Pelajar Tajaan Yayasan Sabah yang Berlepas ke Semenanjung Malaysia
- L1 Keratan Akhbar Daily Express Mengumumkan Dewan Meluluskan Usul Tun Datu Haji Mustapha Tentang Hasrat Menubuhkan Yayasan Sabah
- L2 Keratan Akhbar Sabah Times Mengumumkan Tun Mustapha Mengusulkan Penubuhan Yayasan yang Akan Membantu Pelajar Miskin dalam Bidang Pendidikan bertarikh 10 November 1965





- L3 Keratan Akhbar Daily Express Mengumumkan Tun Mustapha Melancarkan Yayasan Sabah Pada Bertarikh 11 November 1965.
- L4 Keratan Akhbar Daily Express Menyatakan Tun Menyediakan Rang Undang Undang Untuk Yayasan Sabah Pada 2 Disember 1965
- L5 Gambar Encik Peter Lo dalam Sidang Dewan Undangan Negeri Sabah
- L6 Keratan Akhbar Sabah Times Tentang Pembentangan Rang Undang-Undang Yayasan Sabah 2 Disember 1965.
- L7 Gambar Spesimen Amanah Tun Datu Haji Mustapha
- L8 Gambar Pejabat Yayasan Sabah Yang Pertama di Jalan Gaya, Kota Kinabalu
- M Sajak Yayasan Sabah 1966-2016 sempena Jubli Emas Yayasan Sabah
- N Gambar Latihan 101 Graduan Penggerak Pembangunan Insan
- O Gambar Perpustakaan Tun Haji Mohd. Fuad Stephens
- P Gambar Kg. Damai Kota Marudu
- Q Gambar Perkhidmatan Ambulans Yayasan Sabah
- R Peta Pusat-Pusat Pembangunan Insan
- S Carta Alir Konsep Pembangunan Insan
- T Gambar Murid Menerima Sepasang Pakaian Seragam Tahunan
- U Gambar Murid Menerima Setengah Dozen Alat-Alat Tulis Setahun
- V Gambar Pembahagian Susu yang Diadakan Tiga Kali Seminggu
- W Gambar Murid Menerima Sepasang Kasut Sekolah Setahun





- X Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Sabah 1966-2004
- Y Mantan Pengarah Yayasan Sabah 1967-1999
- Z Struktur Organisasi Yayasan Sabah



BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan di negeri Sabah boleh dilihat dari tiga tempoh yang berbeza iaitu era tradisional (sebelum kedatangan kuasa Barat), era kolonial dan selepas Sabah merdeka iaitu tahun 1963. Pendidikan tradisional masyarakat peribumi di Sabah mendidik anak-anak mereka menjalani kehidupan ketika dewasa dan setelah berkeluarga. Pendidikan tradisional Masyarakat bumiputera beragama Islam di negeri Sabah dijalankan di rumah tok guru, surau dan masjid. Rekod terawal yang berkaitan dengan pendidikan bagi kaum bumiputera beragama Islam pada Zaman Kesultanan Brunei ialah rekod Antonio Pigafetta, pengembara berbangsa Itali. Beliau belayar bersama-sama Magellan ke Brunei. Semasa pelayarannya, beliau menulis bahawa terdapat *xiritoles* atau jurutulis



dalam kalangan orang istana di Istana Brunei pada tahun 1521.¹ Antara tugasnya termasuklah menulis di atas kulit kayu nipis tentang kebaikan sultan. Rekod ini membuktikan bahawa pada zaman tersebut, terdapat dalam kalangan orang istana di Brunei sudah pandai menulis. Selain itu, rekod dan bukti terawal pernah dicatatkan oleh pelawat mubaligh Kristian di Brunei yang mengatakan bahawa terdapat beberapa pangeran boleh menulis dan membaca tulisan Jawi, dan mereka dikatakan memahami perkara yang dibaca. Walaubagaimanapun, golongan hamba dan rakyat biasa dinyatakan masih buta huruf. Catatan tersebut memberikan Gambaran bahawa sebelum kedatangan James Brooke, sudah ada kaum bumiputera Islam atau orang Brunei yang tahu membaca dan menulis tulisan Jawi di Brunei. Rekod berkenaan memperlihatkan pada zaman tersebut sudah wujud sistem persekolahan di Brunei dan hal ini dianggap keistimewaan golongan bangsawan Brunei.



Perkembangan pendidikan Zaman Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU) pula menunjukkan pendidikan formal anak-anak peribumi Islam dan bukan Islam iaitu pada tahun 1881. William Hood Treacher, Gabenor British pertama di Sabah telah membina sebuah sekolah agama Islam di Sandakan pada akhir 1881. Sheikh Abdul Daluman dilantik sebagai imam mengajar agama Islam dan sebagai guru bahasa Melayu di sekolah tersebut. Treacher menyediakan rapak dan mendermabagi membiayai pembinaan sekolah tersebut. Sekolah ini mempelawa anak-anak daripada kumpulan etnik beragama Islam dan bukan Islam untuk belajar di sekolah tersebut. Walaubagaimanapun sekolah itu terpaksa ditutup kerana mengalami masalah kewangan, kekurangan kemudahan dan tidak mendapat sokongan daripada masyarakat

¹ Hallet A., "A sketch of the History of Brunei" dlm. JMBRAS XVII:2, hlm 29, Ogos 1940.





peribumi, khususnya yang beragama Islam dengan alasan sekolah tersebut tidak menawarkan pelajaran agama Islam.

Pendidikan pada Zaman Kerajaan Malaysia iaitu pada tahun 1963 menunjukkan perubahan dari aspek pentadbiran. Kerajaan negeri telah melancarkan satu rancangan empat penjurong berhubung dengan Kerajaan Persekutuan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan pada era sebelum kemerdekaan. Di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), telah memperluaskan dan memperbaiki kemudahan-kemudahan institusi pendidikan di negeri Sabah. Matlamat utama pendidikan ialah memberikan pelajaran rendah secara percuma untuk semua kanak-kanak yang layak bersekolah. Setelah KPM menyedari wujudnya perbezaan antara semenanjung dan Sabah, maka langkah diambil ialah untuk mengintegrasikan sistem pelajaran melalui penubuhan kelas menengah Melayu pertama di Sabah, iaitu di Maktab Sabah Kota Kinabalu pada 1968. Penubuhannya adalah merupakan percubaan untuk memperkenalkan sistem persekolahan menengah Melayu yang sudah diperkenalkan di Semenanjung Malaysia.

Sebagai melaksanakan rancangan empat penjurong ini, kerajaan telah membelanjakan lebih dari RM 234 juta untuk pembangunan, perbelanjaan berulang untuk pentadbiran dan penyelenggaraan ialah RM 30.4 juta dan perbelanjaan untuk pembangunan sekolah-sekolah baru, bilik darjah dan rumah guru adalah sebanyak RM 8.8 juta. Kesan dari perbelanjaan atas program-program ini adalah memuaskan untuk Pembangunan pendidikan di negeri Sabah.

Pada tahun 1966, terdapat organisasi yang telah diwujudkan untuk membantu memperkembangkan pendidikan di negeri Sabah iaitu Yayasan Sabah. Organisasi





Yayasan Sabah telah diwujudkan dengan menokok tambah aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh KPM dan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS).

Terdapat pelbagai peranan yang telah dimainkan oleh Yayasan Sabah dalam memastikan masyarakat negeri hidup dalam keharmonian sungguhpun mempunyai pelbagai kaum. Antara peranan tersebut termasuklah memberikan fokus dan tumpuan kepada pembangunan pendidikan negeri.

Peranan dalam pendidikan telah dimainkan dengan jayanya dan menunjukkan kejayaan demi kejayaan terhadap pembangunan masyarakat negeri Sabah.² Walaupun demikian Yayasan Sabah perlu bertindak secara tangkas agar sumbangan dan imejnya pada masa akan datang sentiasa cemerlang dan mencapai tahap gemilang dan terbilang.

Demikian juga dengan kesedaran masyarakat terutamanya negeri Sabah untuk menghargai langkah pembangunan pendidikan oleh Yayasan Sabah. Terdapat pelbagai penstrukturan yang dilakukan oleh Yayasan Sabah saban tahun dan dengan penstrukturan tersebut, segala perancangan dan sumbangan Kumpulan Yayasan Sabah membawa manfaat yang maksimum demi mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat Sabah.³

² Mohd. Nor Bin Long, 1978, *Perkembangan Pelajaran di Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978, hlm.105.

³ Jim Jipun, 2017, Program Pembasmian Kemiskinan: Pencapaian Program 1AZAM Kolej Teknikal Yayasan Sabah dalam Meningkatkan Pendapatan Peserta, *Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB)* Vol. 1: no. 1 (2017) page 112-120, eISSN : 01268147





Penubuhan Yayasan Sabah mengalami dua peringkat perkembangan nyata yang telah dimulakan oleh Datuk Syed Kechik Syed Mohammad.⁴ Pada peringkat pertama, Datuk Syed Kechik telah menjemput pakar perunding dari Semenanjung untuk melakukan satu kajian sistem pelajaran di Sabah dan cara-cara yang membolehkan pemberian bantuan kepada anak-anak yang kurang mampu. Kajian sistem pelajaran telah dilakukan oleh Profesor Zainal Abidin bin Abdul Wahid yang merupakan pensyarah di Jabatan Sejarah Universiti Malaya.

Pada peringkat kedua, satu rang undang-undang telah digubal untuk dikemukakan kepada Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah. Rang undang-undang dirangka bersama oleh Datuk Syed Kechik dan Tun Datu Hj. Mustapha dan diserahkan ke Pejabat Peguam Negeri Sabah untuk membentuk satu lembaga. Lembaga yang dibentuk itu menentukan pencapaian matlamat yang telah dibentangkan dalam ucapan Tun Datu Hj. Mustapha di Mesapol, Sipitang pada 9 November 1965. Maka Enakmen No.8 tahun 1966 telah ditandatangani oleh Yang Di Pertua Negeri, Tun Datuk Pengiran Hj. Ahmad Raffae pada 4 Mei 1966. Oleh itu, penubuhan Yayasan Sabah dapat dikatakan berasaskan kepada enakmen No.8.

Bermula tahun 1967 sehingga 1974, terdapat enam program yang terlibat menerima sumbangan biasiswa yang dilaksanakan oleh Yayasan Sabah. Antaranya termasuklah biasiswa dalam negeri, biasiswa peringkat menengah ke semenanjung Malaysia, biasiswa pendidikan tinggi, pinjaman untuk pendidikan tinggi, bantuan kewangan

⁴ Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad merupakan Pengarah Lembaga Amanah Y.S yang pertama. Beliau adalah seorang peguam yang menjadi penasihat kepada Tun Datu Hj. Mustapha dalam hal-hal pentadbiran dan politik Sabah.





untuk pelajar, dan geran dalam bantuan yang melibatkan (a) asrama untuk lokasi pedalaman, (b) Yayasan Sabah-Institut Teknologi Mara (YS-ITM), (c) Universiti Kebangsaan Malaysia Limauan (UKML). Pembangunan pendidikan negeri di bawah Yayasan Sabah semakin berkembang pada 1 Januari 1975. Selain daripada tawaran tahunan kemudahan untuk melanjutkan pelajaran melalui anugerah pinjaman pengajian biasiswa dan pelbagai bentuk bantuan geran dan bantuan kewangan, Yayasan Sabah mengeluarkan kumpulan perintis pelajar Sabah dalam bidang pra-sains Universiti Kebangsaan Malaysia, Sabah.

Namun tidak terhad dengan itu, Kumpulan Yayasan Sabah juga menggerakkan program-program lain yang bertujuan pembangunan rakyat di negeri Sabah.



The Sabah Foundation is being created with the conviction that private organization can play a learning role in stimulating Malaysian development. It will focus on human advancement – in education, in social, cultural, and economic development, and in the process and problems of Malaysian modernization.



Oleh itu, kajian ini menjelaskan lebih terperinci tentang pembangunan pendidikan negeri di bawah Yayasan Sabah tahun 1966 sehingga tahun 2000.

1.2 Permasalahan Kajian

Pendidikan merupakan salah satu fokus dalam objektif Yayasan Sabah. Setiap langkah yang digerakkan oleh Yayasan Sabah untuk memperkembangkan pendidikan melibatkan program yang komprehensif dan melibatkan pembiayaan kewangan (biasiswa) dan pinjaman pendidikan untuk pelajar anak negeri Sabah. Tidak dinafikan





Yayasan Sabah juga memberikan fokus kepada pembangunan ekonomi, tetapi hasil-hasil tersebut disumbangkan untuk pembangunan pendidikan anak negeri di Sabah. Idea awal penubuhan Yayasan Sabah yang diluluskan pada tahun 1966, telah melancarkan satu geran berjumlah sejuta ringgit sebagai peruntukan kepada Yayasan Sabah. Sehubungan itu, terdapat cadangan untuk mendapatkan dana daripada hasil mahsul negeri sebagai dana yang dapat membiayai operasi Yayasan Sabah.

Aktiviti ekonomi telah menentukan perkembangan dan maju mundurnya kegiatan bidang sosial termasuklah pendidikan kerana segala perbelanjaan bergantung pada jumlah pendapatan yang diperoleh daripada hasil negeri Sabah. Dana-dana Yayasan Sabah terus diupayakan dalam bidang pendidikan dengan menyumbangkan pelbagai jenis bantuan kepada pelajar-pelajar yang layak menerima. Pembangunan pendidikan di bawah Yayasan Sabah lebih berkembang pada tahun 1976 berikutan peningkatan ekonomi negeri Sabah. Hal ini menjadikan Yayasan Sabah ditadbir langsung oleh kerajaan negeri Sabah sepenuhnya. Hal ini menyebabkan Yayasan Sabah terlibat secara langsung dalam pembangunan pendidikan anak negeri. Namun pembangunan pendidikan di bawah Yayasan Sabah mendapat cabaran dari aspek perluasan jaringan pendidikan kerana kepelbagaian kaum di negeri Sabah. Hal ini ditambah lagi dengan faktor geografi di negeri Sabah yang terlalu luas sehingga aspek menyebarkan pendidikan di negeri Sabah agak sukar. Dengan adanya Yayasan Sabah, segala usaha penyebaran ini dapat dilaksanakan dengan mudah kerana Yayasan Sabah dapat memberi fokus dengan kawasan di negeri Sabah serta institusi yang lebih dekat dengan masyarakat dalam negeri Sabah.





1.3 Objektif Kajian

Kajian ini menggariskan objektif seperti berikut;

- i. Mengkaji latar belakang penubuhan Yayasan Sabah.
- ii. Membincangkan perkembangan Yayasan Sabah dalam pendidikan anak negeri.
- iii. Menilai implikasi Yayasan Sabah terhadap perkembangan pendidikan di Sabah.
- iv. Menganalisis cabaran yang dihadapi oleh Yayasan Sabah dalam pembangunan pendidikan negeri Sabah.



1.4 Soalan Kajian



Kajian ini menjawab soalan kajian berikut;

- i. Apakah latar belakang perkembangan Yayasan Sabah?
- ii. Sejauh manakah perkembangan Yayasan Sabah dalam pendidikan anak negeri?
- iii. Bagaimanakah implikasi Yayasan Sabah dalam perkembangan pendidikan di Sabah?
- iv. Apakah cabaran yang dihadapi oleh Yayasan Sabah dalam pembangunan pendidikan negeri Sabah?



1.5 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menekankan analisis dokumen. Kajian ini dijalankan melibatkan beberapa kajian bahan di Perpustakaan Penyelidikan Yayasan Yayasan Sabah, Perpustakaan negeri Sabah, Arkib Yayasan Sabah, Arkib negeri Sabah, Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Sampel kajian bagi kajian ini termasuklah sumber primer daripada fail-fail Dewan Undangan Negeri Sabah, minit-minit mesyuarat setiausaha kerajaan negeri Sabah, minit-minit mesyuarat Yayasan Sabah, laporan-laporan dari Dewan Undangan Negeri Sabah dan akhbar-akhbar lama Yayasan Sabah.

Tujuan penggunaan sumber primer adalah untuk memastikan bahawa sumber sejarah yang bakal digunakan adalah sesuatu yang sah dan boleh diterima dengan kebenaran secara objektif. Dalam proses ini, pengkaji memerlukan data-data yang relevan dan bersesuaian dengan kajian yang akan dilakukan.⁵

Bagi menjayakan kaedah ini, pengkaji juga melakukan kajian di perpustakaan bagi membolehkan data-data dan maklumat penting dikumpulkan daripada jurnal, artikel, tesis dan buku yang ada kaitan dengan tajuk kajian. Semua bahan dan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian akan dijadikan sebagai sumber rujukan, sama ada sebagai

⁵ Mohd Shafie Abu Bakar, 1991, *Metodologi Penyelidikan untuk Ekonomi dan Bidang-Bidang Berkaitan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm.17



sumber pertama ataupun sumber kedua. Setiap maklumat yang diperolehi akan ditapis dan dianalisis terlebih dahulu agar ketulenan fakta adalah sah dan tepat.

Untuk mengukuhkan serta menyokong sumber yang diperolehi, pengkaji juga menggunakan kaedah temubual untuk mendapatkan sumber lisan. Sesi temu bual dijalankan secara bebas dengan merujuk individu penting dan pernah mempunyai perkaitan dengan organisasi Yayasan Sabah. Antaranya termasuklah Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Panglima Dr. Mohamed Salleh bin Mohd Said Keruak yang pernah menjadi Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Sabah ke-5, Datuk Maimunah Suhaibul merupakan seorang bekas Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Datuk Jame Alip bekas Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Datuk Dr. Hj. Mohd Kassim bin Hj. Mohd Ibrahim merupakan Timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Mejar (K) Dr. Zhamriee Gulamrasul merupakan Pakar Industri Negara, Datuk Dr. Dayu Sansalu merupakan pengkaji Sejarah Sabah dan sembilan orang alumni Yayasan Sabah yang telah melanjutkan pengajian dalam negara dan luar negara. Selain itu, kajian ini juga telah menemu bual bekas Guru Besar, guru-guru, serta kakitangan yang pernah menikmati sumbangan atau skim yang telah dijalankan oleh Yayasan Sabah. Laporan kajian ini ditulis dalam bentuk penulisan yang menggunakan tematik berdasarkan objektif kajian ini.

1.6 Kajian Literatur

Dalam usaha mencapai perkembangan pendidikan, terdapat pelbagai inisiatif institusi-institusi yang terlibat demi memastikan tercapainya objektif yang dirancang. Setiap





institusi yang memainkan peranan untuk kelangsungan pendidikan terus berusaha merangka pelbagai inisiatif yang tersendiri. Demikian juga Yayasan Sabah yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan pelbagai program untuk menokok usaha kerajaan negeri ke arah peningkatan pendidikan.

Masyarakat melihat Yayasan Sabah sebagai institusi yang melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan (R&D). Yayasan juga dilihat sebagai sebuah organisasi yang berasaskan pengetahuan bagi memperkasakan rakyat. Terdapat kajian-kajian lepas yang mengkaji tentang sejarah perkembangan pendidikan negeri Sabah namun kajian-kajian tersebut didapati hanyalah bersifat sepintas lalu ataupun sebahagian tajuk dalam bab sahaja. Kajian-kajian institusi lain selain Yayasan Sabah juga ada diambil sebagai rujukan kepada kajian ini. Sorotan literatur amatlah penting dalam usaha menghasilkan sebuah penulisan ilmiah yang berkualiti. Justeru itu, pengkaji menggunakan beberapa sorotan literatur penulisan terdahulu terutama penulisan berkaitan dengan perkembangan pendidikan di bawah institusi-institusi selain Yayasan Sabah.

Kajian lepas yang mengkaji tentang Yayasan Sabah ada dilakukan oleh Cecilia Amid pada tahun 1988 yang bertajuk *Yayasan Sabah: Satu tinjauan terhadap perkembangan program pendidikan dari 1966 hingga 1986*.⁶ Kajian Cecilia Amid ini memberi fokus kepada perubahan-perubahan organisasi yang berlaku dalam Yayasan

⁶ Cecilia Amid, *Yayasan Sabah: Satu Tinjauan Terhadap Perkembangan Program Pendidikan dari 1966 hingga 1986* (Tesis Doktor Falsafah, Bahagian Pentadbiran Awam, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988/89)





Sabah. Perbezaan sudut pandang antara pengkaji Cecilia dan kajian ini dapat dilihat dari sudut kajian. Cecilia mengkaji dari aspek organisasi dalaman Yayasan Sabah yang membantu dalam pengurusan perkembangan pendidikan. Maklumat-maklumat seperti pecahan organisasi dalam jabatan Yayasan Sabah amat berguna buat pengkaji untuk mendapatkan gambaran awal tentang kajian yang hendak dibuat. Selain itu, pengkaji lepas juga ada menghuraikan tentang perkembangan pendidikan di Sabah yang dipecahkan kepada empat bahagian iaitu Zaman Pentadbiran Borneo Chartered Company (1881-1941), Zaman Pentadbiran Jepun (1942-1945), Zaman Penjajahan British (1945-1963) dan Zaman Kerajaan Malaysia (1963-kini). Sejarah perkembangan pendidikan yang dijelaskan oleh pengkaji Cecilia juga membantu dalam kajian ini sebagai maklumat awal sebelum penubuhan Yayasan Sabah. Kajian ini juga merujuk tentang sejarah penubuhan Yayasan Sabah yang ditulis dalam kajian Cecilia sebagai rujukan dalam menulis kajian ini. Maklumat seperti latar belakang penubuhan, matlamat dan organisasi yang terdapat dalam kajian Cecilia ada dirujuk oleh pengkaji. Perbezaan yang ketara antara kajian lepas oleh Cecilia dengan kajian penyelidik dalam kajian ini ialah dari batasan tahun yang mana kajian lepas ini hanya membuat kajian dalam tempoh 20 tahun bermula penubuhan Yayasan Sabah sehingga tahun 1986. Namun tempoh kajian pengkaji adalah lebih panjang iaitu bermula pada tahun 1966 sehingga tahun 2000. Hal ini menjadikan kajian pengkaji sebagai rujukan yang lebih menyeluruh dan bersifat terkini.

Kajian lain yang berkaitan dengan kajian ini ialah *People Development: Yayasan Sabah's new approach to rural development*.⁷ Kajian lepas oleh Jeffrey sangat

⁷ Jeffrey G. Kitingan, *Pembangunan Insan Pendekatan Baru Yayasan Sabah dalam, 1990* *Pembangunan Luar Bandar* (Kota Kinabalu: Institut for Development Studies(Sabah), 1990)





memberikan manfaat kepada kajian ini. Kajian Jeffrey mempunyai enam bab yang telah dibukukan. Bab pertama dimulakan dengan pengenalan dan diikuti dengan konsep asas, eksperimen Yayasan Sabah, keputusan, pengajaran dan pemerhatian, potensi masalah, dan diakhiri dengan kesimpulan dan cadangan. Kajian yang ditulis dalam bahasa Inggeris ini sangat penting kepada pengkaji kerana menghuraikan maklumat tentang kaedah Yayasan Sabah dalam pembangunan manusia di kawasan pedalaman. Peringkat permulaan kajian lepas oleh Jeffrey menjelaskan tentang fungsi Yayasan Sabah iaitu sebagai salah sebuah agensi dalam kerajaan negeri yang membawa perubahan dalam kualiti hidup masyarakat Sabah terutama sekali masyarakat miskin yang tinggal di kawasan pedalaman.

Selain itu, kajian lepas iaitu penyelidikan menilai semula rancangan pelajaran Yayasan Sabah (1968 sehingga 1980) sangat membantu dalam kajian ini. Kajian lepas oleh Institut Teknologi Mara banyak menghuraikan tentang Yayasan Sabah bermula latar belakang penubuhan, orientasi penyelidikan yang menyentuh tentang rancangan-rancangan penting Yayasan Sabah.⁸ Kajian lepas tersebut sangat membantu pengkaji kajian ini menilai kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Yayasan Sabah sepanjang 1968 hingga 1980. Kekuatan kajian lepas Institut Teknologi Mara ialah mempunyai model projek yang tersendiri iaitu Model Projek Menilai Pencapaian Rancangan Pelajaran Yayasan Sabah. Model projek ini didapati menjadikan proses penulisan kajian lebih teratur dalam proses penyelidikan. Di samping itu, kajian lepas oleh Institut Teknologi Mara juga memberikan manfaat kepada kajian ini kerana dalam kajian lepas

⁸ Institut Teknologi Mara, *Penyelidikan Menilai Semula Rancangan Pelajaran Yayasan Sabah*, (Kota Kinabalu: Institut Teknologi Mara, 1982)





terdapat latar belakang penerima biasiswa, bilangan penuntut-penuntut Yayasan Sabah di sekolah-sekolah menengah di semenanjung mengikut jantina bagi tahun 1968 sehingga 1979. Data seperti ini amat penting bagi kajian ini untuk menulis laporan penyelidikan dalam Bab 3 dan Bab 4. Kajian lepas juga membuktikan bahawa terdapat 1,778 orang penuntut Yayasan Sabah yang belajar di sekolah menengah di semenanjung Malaysia. Namun kajian lepas ini hanya mengkaji sehingga tahun 1980 iaitu selama 14 tahun selepas penubuhan Yayasan Sabah.

Dalam kajian lepas yang dilaksanakan oleh Institut Teknologi Mara ini juga ada menyatakan bahawa tokoh yang bertanggungjawab dalam penubuhan Yayasan Sabah adalah bapa kemerdekaan Sabah, Tun Datu Mustapha bin Datu Harun. Cadangan asal oleh Tun Datu Mustapha untuk menubuhkan Yayasan Sabah yang pada ketika itu merupakan TYT dan bukan sebagai ADUN, maka usul tersebut dibawa oleh Datuk Peter Lo Su Yin selaku Ketua Menteri. Setelah Tun Datu Mustapha memenangi kerusi DUN Sabah melalui pilihan raya DUN 1967, maka pada 22 Disember sekali lagi Tun Datu Mustapha membentangkan beberapa fasa penubuhan Yayasan Sabah. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kajian lepas oleh Institut Teknologi Mara amat bermakna kepada kajian ini kerana menambahkan maklumat-maklumat yang penting selain mengukuhkan maklumat sedia ada.

Selain itu, terdapat juga kajian lepas yang tajuknya tidak menjurus kepada Yayasan Sabah namun masih menyentuh tentang Yayasan Sabah itu di dalam kandungannya iaitu kajian oleh Rosmalah Umin pada tahun 2016 yang bertajuk Sejarah





Pembangunan Ekonomi Sabah di bawah Datuk Harris Mohd Salleh.⁹ Dalam kajian Rosmalah Umin, ada membincangkan Yayasan Sabah sebagai satu organisasi yang ditubuhkan untuk memberi bantuan kepada pertubuhan kebajikan dan menyumbangkan bantuan semasa negeri menghadapi darurat atau bencana alam. Kajian lepas tersebut dianggap sebagai satu kajian penting dan boleh dirujuk kerana mempunyai maklumat-maklumat tentang Yayasan Sabah sebagai pengukuh kepada maklumat yang diterima daripada sumber lain.¹⁰ Selain itu, kajian lepas ini juga penting untuk menambahkan maklumat memandangkan kajian Rosmalah membincangkan sudut ekonomi negeri Sabah.

Dalam kajian Rosmalah tersebut juga membincangkan bahawa kegiatan Yayasan Sabah hanya tertumpu kepada bidang pelajaran dan kebajikan sahaja di awal penubuhannya. Namun, pada tahun 1970, peranan Yayasan Sabah telah diperluas bagi membolehkan projek pembangunan ekonomi, sosial dan perindustrian dapat dipesatkan lagi. Setelah Datuk Harris Salleh mengambil alih pentadbiran Sabah, Yayasan Sabah dikemas kini selaras dengan dasar dan strategi pembangunan kerajaan. Enakmen Yayasan Sabah tahun 1966 telah dipinda untuk memberi kuasa kepada kerajaan Berjaya untuk melantik dan memberhentikan khidmat ahli Lembaga Amanah Yayasan Sabah. Pindaan itu membolehkan Datuk Harris Salleh dengan sendirinya menjadi Pengerusi Lembaga Yayasan Sabah dan melantik enam orang ahli lembaganya, manakala dua

⁹ Rosmalah Umin, *Sejarah Pembangunan Ekonomi Sabah di bawah Pentadbiran Datuk Harris Mohd. Salleh, 1976-1985* (Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan Universiti Malaysia Sabah, 2016).

¹⁰ Pada asasnya Yayasan Sabah bukanlah bertujuan politik. Tetapi, hal ini masih boleh diragukan memandangkan pada ketika itu Ketua Menteri menjadi penggerak utama dalam aktiviti Yayasan Sabah. Kemungkinan untuk memisahkannya dengan unsur politik adalah agak mustahil kerana Yayasan Sabah merupakan agensi yang terlalu terikat dengan kerajaan.





orang ahli lembaga yang lain lagi dilantik oleh Menteri Pelajaran Persekutuan.¹¹ Dalam kajian Rosmalah juga membantu kajian ini untuk mendapatkan maklumat awal tentang bantuan-bantuan yang diberikan oleh Yayasan Sabah yang diperlukan dalam Bab 3. Yayasan Sabah telah memperuntukkan sebanyak RM 12 juta dalam bidang pelajaran untuk setiap tahun. Antara perkhidmatan yang disediakan oleh Yayasan Sabah ialah pemberian biasiswa dan pinjaman kepada pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke dalam dan luar negeri. Sejak pelancaran program biasiswa pada tahun 1967, lebih daripada 20, 000 pelajar telah diberikan biasiswa untuk melanjutkan pendidikan menengah ke seluruh sekolah menengah sama ada di Sabah atau Semenanjung Malaysia. Biasiswa ini turut diberikan kepada mereka yang ingin meneruskan pendidikan ke pengajian yang lebih tinggi, termasuklah peringkat doktor falsafah di institusi pelajaran dalam dan luar negara.¹²



Kajian Rosmalah juga membincangkan tentang pembinaan kampus-kampus tetap cawangan yang dibina oleh Yayasan Sabah. Pembinaan kampus tetap cawangan Universiti Kebangsaan Malaysia yang dikenali sebagai Universiti Kebangsaan Malaysia Limauan yang ditubuhkan pada tahun 1974 dan sebuah kampus cawangan

¹¹ Berikutan pindaan terhadap Enakmen tersebut pada tahun 1976, Yayasan Sabah kini diletakkan di bawah pengawasan terus kerajaan negeri dan bergerak sebagai sebahagian daripada strategi pembangunan kerajaan secara keseluruhan. Ia secara langsung telah membantu menggiatkan aktiviti kerajaan terutama sekali program pendidikan, sosial dan ekonomi untuk memberi manfaat kepada rakyat.

¹² Tun Mustapha telah menghantar sekitar 100 orang pelajar sekolah rendah untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah di Semenanjung Malaysia dalam setahun. Semasa pentadbiran Datuk Harris Salleh pula, jumlah ini telah meningkat kepada lebih 1000 pelajar setahun untuk melanjutkan pelajaran menengah di Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Kedah dan sebagainya. Beliau turut menghantar sekitar 150 orang pelajar yang kebanyakannya berasal dari Ranau untuk melanjutkan pelajaran di Kolej Pertanian Bogor Indonesia. Kini, kebanyakan daripada mereka telah menjadi pegawai pertanian dan pegawai veterinar. Manakala, pelajar yang mengambil jurusan dalam bidang undang-undang pula telah dihantar ke Kuala Lumpur untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Master dan Doktor Falsafah pula dihantar ke Amerika Syarikat.





Institut Teknologi Mara yang pertama di Malaysia iaitu Yayasan Sabah-Institut Teknologi Mara (YS-ITM) yang ditubuhkan di Kota Kinabalu pada tahun 1973. Maklumat-maklumat tersebut memberikan fakta yang berguna untuk kajian ini terutamanya dalam Bab 3 dan Bab 4. Kajian Rosmalah juga membincangkan tentang skim pemberian peralatan pembelajaran seperti buku teks, buku latihan dan alat tulis di bawah program subsidi persekolahan seperti kasut sekolah, susu segar yang dibekalkan daripada ladang tenusu dan pakaian seragam sekolah bagi pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh Sabah secara percuma. Agensi pelaksana pembangunan kerajaan juga telah membekalkan kain kepada beberapa buah kedai jahit di kawasan luar bandar, iaitu tiga buah kedai jahit di daerah Ranau, yang dibekalkan dengan kain untuk menghasilkan pakaian seragam sekolah.



Hakim Mohad pada tahun 2004.¹³ Kajian Abd Hakim Mohad ini banyak membincangkan tentang Sabah dalam konteks pembinaan bangsa Malaysia: tinjauan terhadap peranan Yayasan Sabah dalam aspek pendidikan. Kajian Abd Hakim Mohad yang lepas merupakan satu kajian yang penting kerana membincangkan tentang peranan Yayasan Sabah secara ringkas. Menurut kajian lepas, Yayasan Sabah banyak menyumbangkan pelbagai dermasiswa dan pinjaman terhadap masyarakat Sabah. Kajian lepas Abd Hakim Mohad amat penting terhadap kajian pengkaji kerana memberikan maklumat tentang pendidikan di negeri Sabah serta kaitannya dengan sumbangan Yayasan Sabah. Kajian Abd Hakim Mohad mendapati selepas kemerdekaan, organisasi dan dasar pendidikan di negeri Sabah telah mengintegrasikan

¹³ Abd Hakim Mohad, '*Sabah dalam Konteks Pembinaan Bangsa Malaysia: Tinjauan terhadap Peranan Yayasan Sabah dalam Aspek Pendidikan*' (Kota Kinabalu, Seminar Kebangsaan Pembinaan Nasion Malaysia, 2003), 89-104





satu sistem pendidikan kebangsaan kerana soal pendidikan telah diletakkan di bawah kementerian persekutuan. Kajian pengkaji lepas Abd Hakim Mohad itu telah menjelaskan latar belakang Yayasan Sabah secara ringkas. Dapatan kajian juga telah menjelaskan bahawa Yayasan Sabah mempunyai sembilan objektif yang digariskan dalam Enakmen Yayasan Sabah dan didapati empat darinya berkaitan dengan pembangunan pendidikan.¹⁴ Berdasarkan empat objektif tersebut, jelaslah bahawa penubuhan Yayasan Sabah bertujuan membantu kerajaan dalam usaha-usaha meningkatkan taraf serta mutu hidup rakyat dan memberi penekanan terhadap bidang pembangunan.

Di samping itu, terdapat penyelidikan lepas yang telah dilakukan oleh Mohd. Nor Bin Long yang bertajuk perkembangan pelajaran di Sabah yang memerincikan kajian kepada enam bab bermula dengan latar belakang sejarah pendidikan di negeri Sabah, permulaan sekolah, pendidikan setelah perang dunia kedua, pendidikan menjelang Malaysia, institusi perguruan dan sesudah Malaysia seterusnya menampakkan peranan Yayasan Sabah di akhir bab kajian tersebut.¹⁵ Berdasarkan kajian oleh Mohd. Nor bin Long yang lepas, hasil kajian memaparkan sumbangan-sumbangan yang ditonjolkan oleh Yayasan Sabah terutamanya dalam aspek pendidikan. Yayasan Sabah menurut Mohd. Nor bin Long tidak asing daripada

¹⁴ Empat objektif tersebut ialah i) mempelopori dan menggalakkan secara aktif akan peningkatan dan kemajuan peluang-peluang mendapat pelajaran bagi semua lapisan rakyat negeri ini, ii) meluaskan peluang-peluang kemasukan ke pusat-pusat pengajian tinggi di Sabah oleh universiti-universiti tempatan, iii) mempelopori dan menggalakkan pewujudan dan pembekalan kemudahan pengajian tinggi di Sabah oleh universiti-universiti tempatan, iv) memberi biasiswa dan mengatur pemberian biasiswa atau lain-lain bantuan pengajian dari badan-badan penganjur yang lain kepada rakyat negeri Sabah dan warganegara Malaysia di Sabah bilamana diperlukan.

¹⁵ Mohd. Nor Bin Long, 1978, *Perkembangan Pelajaran di Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978, hlm.105.





menyumbangkan dana-dana bantuan kepada pelajar yang layak. Kajian Mohd. Nor bin Long hanya membincangkan secara umum tentang kepentingan implikasi penubuhan Yayasan Sabah namun tidak mengkaji secara mendalam tentang perkembangan pendidikan di bawah Yayasan Sabah. Skop kajian Mohd. Nor bin Long lebih kepada sejarah perkembangan pendidikan dalam negeri Sabah yang berbeza dengan kajian ini iaitu lebih mendalam mengkaji tentang pendidikan di bawah Yayasan Sabah. Namun, kajian Mohd. Nor bin Long sangat membantu pengkaji untuk mengetahui gambaran umum latar belakang sejarah pendidikan negeri Sabah sebelum dan selepas penglibatan Yayasan Sabah dalam membangunkan pendidikan negeri.

Kajian lepas yang boleh dijadikan rujukan juga ialah kajian oleh Sabihah Osman, Ismail Ali dan Baszley Bee bin Basrah Bee bertajuk Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun: Jasabaktinya dalam pembangunan sosial di Sabah.¹⁶ Kajian yang dilaksanakan pada tahun 2006 ini banyak membincangkan sumbangan Tun Datu Haji Mustapha selama menerajui Kerajaan Negeri Sabah iaitu sejak tahun 1967 sehingga tahun 1976. Selama sembilan tahun memimpin Sabah, pengkaji Sabihah Osman, Ismail Ali dan Baszley Bee bin Basrah Bee menonjolkan peribadi Tun Datu Haji Mustapha sebagai seorang yang berupaya membawa Sabah dari sebuah negeri yang mundur kepada sebuah negeri yang makmur, aman dan stabil. Kajian oleh Sabihah Osman, Ismail Ali dan Baszley Bee bin Basrah Bee juga penting sebagai rujukan kajian tentang Yayasan Sabah untuk melihat perbincangan sumbangan-sumbangan seorang tokoh yang menubuhkan Yayasan Sabah sebagai sebuah organisasi yang berautoriti di negeri

¹⁶ Sabihah Osman, Ismail Ali dan Baszlee Bee B. Basrah Bee, *Tun Datu Hj. Mustapha bin Datu Harun Jasabaktinya dalam Pembangunan Sosial di Sabah* (Kota Kinabalu: Penerbit UMS, 2006)





Sabah. Selain itu, pengkaji juga melihat sumber-sumber yang digunakan oleh Sabihah Osman, Ismail Ali dan Baszley Bee bin Basrah Bee sebagai panduan dalam menambahkan sumber-sumber bagi kajian pengkaji ini. Menurut pengkaji Sabihah Osman, Ismail Ali dan Baszley Bee bin Basrah Bee, kepemimpinan yang dinamik yang oleh Tun Datu Haji Mustapha dibuktikan melalui penggubalan dasar-dasar pembangunan demi memastikan pembinaan nasion di negeri Sabah.¹⁷ Pemimpin yang menerajui kerajaan negeri malah menyerlah sebagai pemimpin yang berkarisma dan berwawasan seperti Tun Datu Haji Mustapha.¹⁸ Kajian oleh Sabihah Osman, Ismail Ali dan Baszley Bee bin Basrah Bee dilihat bukan bertujuan untuk membuat penilaian terhadap Tun Datu Haji Mustapha tetapi lebih memberi tumpuan kepada peranan beliau dalam pembangunan sosial di Sabah kerana sebelum 1963, Tun seringkali dikaitkan dengan kemerdekaan dan politik Sabah. Maka, pengkaji Sabihah Osman, Ismail Ali dan Baszley Bee bin Basrah Bee cuba untuk melihat sisi Tun dari sudut yang lain dan hal ini sangat berkait rapat dengan kajian pengkaji kerana Tun merupakan seorang yang

¹⁷ Dalam menerajui kerajaan negeri, kepemimpinan Tun Mustapha terserlah sebagai pemimpin yang berkarisma dan berwawasan. Walaupun bukan secara menyeluruh kepemimpinannya menampilkan ciri-ciri kewibawaan tradisional, kewibawaan legal-rasional dan kewibawaan karismatik seperti yang diajukan oleh Max Weber, seorang ahli falsafah dan sosiologi Jerman turut terpancar pada peribadi Tun Mustapha. Rujuk catatan dalam kajian Weber, “*Charisma was not just a matter of the special qualities appearing in a leader, it was also a matter of his followers seeing those qualities*”.

¹⁸ Terdapat beberapa definisi atau makna pemimpin dan kepemimpinan. Kepemimpinan adalah kata nama yang berkait rapat dengan perkataan pemimpin. Manakala, pemimpin pula berasal daripada kata pimpin atau pandu. Pemimpin berfungsi sebagai ketua untuk memimpin atau memandu. Lebih tepat lagi, ia “menggambarkan keupayaan seseorang atau individu untuk memimpin orang lain menuju ke suatu matlamat. Kepemimpinan juga adalah suatu proses yang tidak saja wujud kerana ada hubungan di antara pemimpin di suatu pihak dengan para pengikut di suatu pihak lain, malah ia turut melibatkan fungsi perhubungan itu sendiri. Oleh itu, kepemimpinan lahir dari interaksi di antara individu yang mempunyai kebolehan untuk melaksanakan pimpinan dengan keperluan yang wujud disebabkan oleh keadaan tertentu dalam satu-satu masyarakat. Seorang pemimpin pula ialah seorang ketua yang boleh merangsangkan tingkah laku sosial yang wujud di sekeliling, iaitu melalui prestige, kuasa, dan kedudukan. Seorang pemimpin boleh juga dianggap sebagai individu yang mencipta sejarah masyarakatnya. Dengan mengambil kira definisi dan takrifan yang telah dijelaskan, tidak dapat dinafikan bahawa Tun Mustapha adalah seorang pemimpin atau ketua kepada masyarakatnya.





sangat penting dalam penubuhan Yayasan Sabah. Maklumat penting yang sangat berguna dalam kajian Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun: Jasabaktinya dalam pembangunan sosial di Sabah ialah unit yang membincangkan tentang Tun Datu Mustapha dan Yayasan Sabah. Dapatan kajian Sabihah Osman, Ismail Ali dan Baszley Bee bin Basrah Bee ini mendapati bahawa sungguhpun terdapat peningkatan dalam perkembangan pendidikan di Sabah, kerajaan menyedari hakikat bahawa pelajar bumiputera masih jauh tertinggal di belakang kaum lain, terutamanya dalam pelajaran menengah dan tinggi. Sewaktu Sabah menyertai pembentukan Malaysia, bilangan pelajar bumiputera di sekolah menengah hanya 20 peratus daripada jumlah semua pelajar. Selain itu, kebanyakan sekolah menengah didirikan di pusat pentadbiran daerah yang menyukarkan murid-murid miskin belajar di sekolah tersebut. Justeru, dapatan daripada kajian pengkaji lepas mendapati sekolah menengah lebih dimanfaatkan oleh masyarakat di bandar yang terdiri daripada golongan berkemampuan. Untuk mengatasi masa yang dihadapi ini, Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun telah menyarankan penubuhan Yayasan Sabah pada 9 November 1965 di Mesapol, Sipitang.¹⁹

Sebagai tambahan, penulis telah difahamkan oleh pihak pengurusan Yayasan Sabah bahawa kurang kajian dilakukan berkaitan dengan Yayasan Sabah. Masalah tersebut terjadi mungkin kajian seumpama ini dianggap kurang bermakna bagi

¹⁹ “Yayasan Sabah adalah ditubuhkan dengan tekad bahawa sebuah pertubuhan persendirian boleh memainkan peranan penting dalam merangsangkan pembangunan Malaysia. Ia akan bertumpu kepada kemajuan manusia dalam bidang pelajaran, sosial, kebudayaan dan pembangunan ekonomi serta dalam proses menyelesaikan masalah-masalah pemodenan Malaysia.” – Petikan ucapan ini merujuk kepada isu pembangunan secara keseluruhannya, sebenarnya sebahagian besar peranan Yayasan Sabah tertumpu kepada bidang pendidikan. Hal ini demikian kerana menurut Tun bidang pendidikan adalah medium yang akan menentukan penjagaan modal insan yang baik. (Rujuk Tun Datu Haji Mustapha Datu Harun, jasa bakti)





sesetengah penulis.²⁰ Namun bagi penulis, setelah diamanati dan diselidiki secara mendalam dan dibincangkan secara analitik bahawa kajian terhadap Yayasan Sabah sangat wajar kerana telah banyak menyumbangkan sesuatu yang bermakna kepada masyarakat di negeri Sabah.

Di samping itu, terdapat juga kajian yang mengkaji tentang organisasi yang memberikan sumbangan dalam perkembangan pendidikan negeri Perak. Kajian tentang Yayasan Perak yang telah dilaksanakan oleh Ahmad Hanafi Kamarudin memerincikan tentang sejarah perkembangan Yayasan Perak.²¹ Kajian Yayasan Perak menyentuh tentang sejarah perkembangan pendidikan di negeri Perak. Kajian oleh Ahmad Hanafi Kamarudin mendapati tentang sejarah perkembangan pendidikan di negeri Perak, sejarah penubuhan Yayasan Perak, peranan dan kegiatan Yayasan Perak dalam pembangunan pendidikan di perak dan analisis pencapaian Yayasan Perak. Kajian Yayasan Perak tersebut menunjukkan maklumat tentang salah satu organisasi yang memberikan sumbangan terhadap perkembangan pendidikan. Objektif kajian dalam Yayasan Perak adalah untuk mengenal pasti perancangan yayasan dalam membangun serta memajukan masyarakat, mengenal pasti peranan yang dimainkan oleh Yayasan perak dalam ketiga tahap dan menganalisis pencapaian berkaitan ketiga-tiga tahap berkenaan. Menurut Ahmad Hanafi Kamarudin, Yayasan Perak merupakan sebuah agensi berkanun yang berfungsi memajukan rakyat negeri Perak. Yayasan Perak juga menurut pengkaji lepas mula wujud atau ditubuhkan pada tahun 1979 berdasarkan Enakmen Kemajuan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 2. Berbeza dengan Yayasan

²⁰ Temu bual dengan Encik Nestor, Ketua Pustaka Perpustakaan Penyelidikan Borneo Yayasan Sabah di Perpustakaan Penyelidikan Yayasan Sabah, Sabah pada 20 Januari 2021.

²¹ Ahmad Hanafi bin Kamarudin, *Yayasan Perak: Kajian terhadap perkembangan pendidikan di Perak, 1979-2009*, (Tesis Sarjana Muda Sastera, Fakulti Sastera dan Sains Sosial: Universiti Malaya Kuala Lumpur sesi 2010-2011





Sabah yang ditubuhkan pada tahun 1966 berdasarkan enakmen Yayasan Sabah No. 8 Tahun 1966. Kajian oleh Ahmad Hanafi Kamarudin hampir sama dengan Yayasan Sabah namun organisasi yang berbeza. Berdasarkan kajian tentang Yayasan Sabah, pengkaji merujuk tentang corak penulisan yang ditunjukkan oleh pengkaji Ahmad Hanafi Kamarudin.

Kajian perkembangan pendidikan di bawah pentadbiran Majlis Amanah Rakyat Mara (MARA) 1966-1990 oleh Mahmud dan Abdul Halim lebih kurang sama dengan kajian pengkaji.²² Persamaan pertama antara kajian lepas iaitu MARA dengan kajian pengkaji ialah sudut kajian. Kedua-dua kajian mengkaji dari sudut sejarah perkembangan. Selain itu, kajian oleh Mahmud dan Abdul Halim didapati bertujuan untuk melihat perkembangan serta peranan dan sumbangan MARA dalam pendidikan.

Kajian lepas berkaitan MARA tersebut amat bersesuaian dirujuk oleh kerana kajian pengkaji ini melihat kepada sumbangan dan peranan Yayasan Sabah. Sudut kajian berbeza kerana pengkaji Mahmud dan Abdul Halim melihat konsep penubuhan MARA sebagai organisasi bumiputera yang diamanahkan untuk membantu masyarakat bumiputera. Berbeza dengan kajian pengkaji iaitu melihat latar belakang penubuhan Yayasan Sabah dalam pembangunan pendidikan di negeri Sabah. Aspek perbezaan yang kedua ialah tahun kajian. Kajian berkaitan MARA oleh Mahmud dan Abdul Halim mengkaji dari skop tahun 1966-1990 iaitu berbeza dengan kajian pengkaji yang membuat kajian untuk tahun 1966-2000. Dari aspek batasan kajian antara kajian lepas

²² Mahmud, Abdul Halim (2002) *Perkembangan pendidikan di bawah pentadbiran Majlis Amanah Rakyat Mara (MARA), 1966-1990 / Abdul Halim bin Mahmud*. (Tesis Sarjana, Universiti Malaya)





berkaitan MARA dan kajian ini berkaitan Yayasan Sabah juga adalah sama iaitu membataskan kajian dari aspek pendidikan sahaja. Dapatan kajian lepas oleh Mahmud dan Abdul Halim membuktikan bahawa MARA memainkan peranan yang penting dalam aspek pendidikan. Antara jasa MARA ialah menubuhkan Institusi Teknologi Mara (ITM) iaitu sebuah institusi pengajian tinggi yang ditugaskan untuk memberi latihan profesional dan separa profesional kepada pelajar bumiputera untuk memenuhi kekosongan tenaga manusia yang dikehendaki oleh negara khususnya dalam bidang teknologi, pentadbiran, pengurusan dan perniagaan. Kajian lepas oleh Mahmud dan Abdul Halim ini amatlah penting untuk dirujuk sebagai panduan penulisan kerana kedua-dua kajian lepas dan kajian pengkaji melihat peranan dan sumbangan institusi yang membantu memperkembangkan pendidikan di sesebuah lokasi. Tuntasnya, kajian tentang MARA banyak persamaan dengan kajian ini yang mengkaji dari aspek pendidikan dan bertujuan memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang peranan dan sumbangan sesebuah organisasi.

Kajian lain yang dijadikan rujukan dalam kajian ini ialah kajian Rafee, Lew dan Hafizi (2009-2010) iaitu aplikasi e-pembelajaran dalam program latihan di Institut Aminuddin Baki (IAB). Kajian lepas ini berkaitan dengan IAB, Kementerian Pelajaran Malaysia yang merupakan sebuah institusi yang meneraju bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan di Malaysia. Fokus kajian dalam kajian Rafee, Lew dan Hafizi ialah tentang inovasi dalam mempertingkatkan latihan dan kursus kepimpinan pendidikan di Malaysia. Skop kajian lepas tersebut lebih memerincikan tentang peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran pensyarah serta kualiti sistem penyampaian IAB secara menyeluruh. Dapatan kajian lepas menunjukkan tahap penguasaan kemahiran asas yang tinggi bagi kedua-dua kumpulan staf ikhtisas dan





sokongan di IAB. Kajian lepas tentang IAB ini berbeza dengan kajian pengkaji yang menjelaskan dengan lebih padu terhadap perkembangan pendidikan di bawah institusi Yayasan Sabah. Namun kajian lepas ini juga memberikan sokongan dan sumbangan terhadap perkembangan pendidikan. Oleh itu, kajian tentang aplikasi e-pembelajaran dalam program latihan di IAB ini adalah penting untuk dirujuk sebagai panduan kajian pengkaji dari sisi yang lain iaitu peningkatan pendidikan dari aspek pengurusan dan kepemimpinan.

Kajian lain tentang sejarah perkembangan Kolej Sultan Abdul Hamid (1903-1960) kajian oleh Mohd Badli Che Harun juga memberikan perspektif yang berbeza kerana kajian lepas ini mengkaji tentang pendidikan secara umum di negeri Sabah, perjalanan kolej semasa zaman Jepun dan selepas perang, analisis dan reaksi masyarakat Kedah terhadap pelajaran Inggeris. Kajian lepas oleh Mohd Badli Che Harun dirujuk untuk melihat corak penulisan yang ditulis oleh pengkaji. Idea-idea tersebut sangat penting untuk memperkembangkan kepelbagaian dalam penulisan kajian pengkaji. Kajian oleh Mohd Badli Che Harun tersebut juga sangat membantu dalam membentuk topik-topik kecil dalam kajian ini kerana kajian pengkaji tentang organisasi yang memberikan sumbangan dalam pendidikan. Beza kajian lepas oleh Mohd Badli Che Harun dan kajian pengkaji pula dapat dilihat ketara dalam skop kajian. Kajian lepas banyak menyentuh tentang perkembangan pendidikan di Kedah secara umum bermula dari pendidikan secara tidak formal iaitu di sekolah pondok atau agama yang sering menjadi tumpuan masyarakat Kedah. Perbezaan antara kajian oleh Mohd Badli Che Harun dan pengkaji ini memberikan perspektif yang lebih luas kerana kajian ini tidak menyentuh secara mendalam tentang perkembangan pendidikan di negeri Sabah sebelum kewujudan Yayasan Sabah.





1.7 Skop Kajian

Merujuk kepada tajuk penyelidikan, kajian ini menumpukan kajian sepanjang tempoh pentadbiran 1966 hingga 2000. Tempoh masa tersebut dipilih kerana permulaan penubuhan Yayasan Sabah sehingga tahun 2000. Kajian ini mengambil tempoh masa selama 34 tahun kerana permulaan penubuhan Yayasan Sabah dan hanya melihat untuk 11 kepimpinan Ketua Menteri Sabah. Kajian ini tidak meneruskan era milenium abad ke-21 dan mengkaji bagaimana Yayasan Sabah memainkan peranan untuk membantu kerajaan negeri Sabah dalam membangunkan aspek pendidikan, ekonomi dan sosial. Walaupun banyak peranan dimainkan oleh Yayasan Sabah, namun aspek yang dikaji untuk kajian ini ialah pendidikan. Skop kajian yang khusus kepada pendidikan dipilih kerana bidang pendidikan merupakan asas kepada bidang-bidang



1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah untuk menghuraikan pembangunan pendidikan di bawah Yayasan Sabah yang akhirnya membawa kejayaan-kejayaan dalam aspek pendidikan di Sabah. Sejarah perkembangan pembangunan pendidikan ini perlu diketengahkan bagi membolehkan rakyat di negeri Sabah mengetahui perkembangan pendidikan setelah Yayasan Sabah ditubuhkan pada tahun 1966-2000. Selain itu, kajian tentang pendidikan merupakan satu medium memberikan kesedaran pentingnya taraf hidup dan pendidikan yang lebih baik. Kepentingan kajian ini dapat membantu dalam meningkatkan kefahaman masyarakat tentang sejarah dan latar belakang penubuhan Yayasan Sabah.





Bahan-bahan bacaan tentang Yayasan Sabah amat kurang dari segi bilangan penerbitan.²³ Selain itu, bahan bacaan yang ada belum dapat mengumpulkan maklumat yang lengkap sejak penubuhan Yayasan Sabah sehingga tahun 2023.

Selain itu, kajian ini juga memberikan perincian kepada masyarakat tentang perkembangan Yayasan Sabah dalam pendidikan anak negeri Sabah bertepatan dengan objektif kajian ini yang mengkaji perkembangan Yayasan Sabah dalam pendidikan anak negeri. Perincian perkembangan Yayasan Sabah mampu memberikan maklumat yang betul kepada pembuat dasar dan masyarakat Sabah secara khususnya.

Kajian ini dapat menjadi bahan rujukan yang menjelaskan implikasi penubuhan Yayasan Sabah termasuklah kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh Yayasan Sabah sekitar tahun 1966-2000. Sehubungan itu, kajian ini dapat menjadi panduan kepada pihak kerajaan Sabah untuk menilai semula keperluan yang sewajarnya dalam menyalurkan peruntukan kewangan kepada pelajar-pelajar Yayasan Sabah. Hal ini demikian kerana kajian ini menetapkan salah satu objektif untuk menilai implikasi Yayasan Sabah terhadap perkembangan pendidikan di Sabah. Justeru, kajian ini dapat memberikan panduan kepada pengkaji akan datang.

Tambahan lagi, kajian ini dapat menjadi bahan penyatuan untuk mendapatkan sokongan semua kaum di negeri Sabah. Secara khususnya, negeri Sabah menghimpunkan lebih dari seratus etnik berbilang yang masing-masing mempunyai

²³ Wawancara dengan Encik Nestor, Ketua Pustaka Perpustakaan Penyelidikan Borneo Yayasan Sabah di Perpustakaan Penyelidikan Yayasan Sabah, Sabah pada 20 Januari 2021.





kepercayaan dan pegangan. Jadi, kajian ini akan dapat memberikan suntikan perasaan kebersamaan kerana Yayasan Sabah bukan terhad memberi bantuan kepada kaum tertentu sahaja. Justeru, kajian ini menggalakkan sokongan penuh semua pihak tanpa mengira kaum dan agama agar bersama-sama meningkatkan kualiti pendidikan di Sabah melalui pemikiran, budaya kerja serta pengurusan yang berkualiti seperti yang dilaksanakan oleh Yayasan Sabah serta pencapaian yang telah ditonjolkan.

Dapatan kajian ini juga memudahkan penyebarluasan peranan Yayasan Sabah kepada serata masyarakat di negeri Sabah. Hal ini demikian kerana, Yayasan Sabah amat sukar menyebarkan peranan Yayasan Sabah kerana faktor geografi negeri Sabah yang luas. Antara inisiatif Yayasan Sabah ialah dengan menubuhkan pasukan sukarelawan untuk menyebarkan peranan Yayasan Sabah.²⁴ Pewujudan ahli-ahli sukarelawan ini sedia membantu dalam pelaksanaan program di samping menyampaikan fakta dan maklumat yang tepat kepada rakyat. Jadi, dengan kajian ini dapat membantu proses penyebarluasan peranan Yayasan Sabah kepada masyarakat di bandar atau di desa.

Kajian ini juga dapat menjadi panduan di peringkat persekutuan yang bukan sahaja dikhususnya kepada negeri Sabah semata-mata. Dalam objektif keempat kajian ini menganalisis cabaran yang dihadapi oleh Yayasan Sabah dalam pembangunan pendidikan. Justeru, perincian daripada maklumat dalam kajian ini dapat memberikan

²⁴ Yayasan Sabah, Berita Kumpulan Yayasan Sabah, Februari 2016-Mei 2016 Jilid 1/2016, hal. 44-47





panduan dan pengajaran kepada kerajaan persekutuan tentang penyaluran bantuan secara berterusan kepada masyarakat khususnya bidang pendidikan.

Di samping itu, kajian ini telah melihat peningkatan prestasi pendidikan untuk memajukan pelajar dalam aspek akademik, kokurikulum dan sahsiah. Maklumat ini amat penting kerana pendidikan adalah satu bidang yang dapat membangunkan sebuah negeri. Oleh itu, pentingnya pendidikan bagi pertumbuhan ekonomi dengan meningkatkan produktiviti belajar agar masyarakat lebih memahami ilmu ekonomi dan dapat meningkatkan ekonomi. Dengan keperluan ekonomi yang semakin meningkat, faktor pendidikanlah yang membantu pertumbuhan ekonomi itu. Hal ini demikian kerana Pendidikan akan menghasilkan kualiti Sumber Daya Manusia (SDM) yang lebih professional baik untuk sektor industri mahupun sektor pertanian sehingga memberikan pengaruh kepada pertumbuhan ekonomi bangsa Malaysia.

Justeru, kepentingan kajian ini jelas memberikan kesan bukan sahaja masyarakat Sabah tetapi juga masyarakat Malaysia. Kajian ini juga sesuai kepada semua lapisan masyarakat tidak kira usia kerana jelas membongkar pentingnya organisasi Yayasan Sabah yang memberi tumpuan kepada keperluan pendidikan yang lebih berkesan. Kepentingan kajian ini juga dapat memberikan semangat kepada organisasi Yayasan Sabah untuk terus bekerja mencapai matlamat iaitu meningkatkan peluang-peluang dan kemudahan-kemudahan pendidikan untuk rakyat Sabah.



1.9 Definisi Istilah

1.9.1 Pembangunan

Pembangunan menurut Kamus Dewan ialah perihal membangun, proses membangun untuk mencapai kemajuan dan perkembangan. Pembangunan membawa maksud usaha atau kegiatan membangunkan sesuatu.

Istilah pembangunan membawa maksud yang berbeza bagi setiap individu. Pembangunan menurut Rogers, ialah proses perubahan sosial dengan penglibatan yang luas dalam sesuatu masyarakat. Perubahan yang dimaksudkan adalah untuk tujuan kemajuan sosial dan material.

Pembangunan juga membawa makna usaha ke arah meningkatkan taraf hidup dan memaksimakan potensi yang ada secara teratur. Proses yang sistematik mempunyai tiga unsur iaitu adanya input, proses (bahan, langkah atau cara) dan output (hasil).²⁵

Tidak kurang bezanya dengan pengkaji Michael Todaro menyatakan pembangunan sebagai satu siri perubahan yang berlaku secara semula jadi.²⁶ Pembangunan adalah satu proses yang mempunyai pelbagai sudut yang melibatkan penyusunan dan orientasi semula keseluruhan sistem ekonomi dan sosial. Sebagai tambahan, pembangunan bukan sahaja mampu menambah pendapatan dan

²⁵ Easton dalam Drajat Tri Kartono & Hanis Nurcholis, Konsep dan Teori Pembangunan.

²⁶ Michael Todaro dalam Wong Chia Chia, 2007, pembangunan kegunaan bercampur sebagai alternatif dalam pembangunan bandar, Universiti Sains Malaysia



pengeluaran, malah melibatkan perubahan radikal dalam institusi sosial, struktur pentadbiran, budaya dan adat resam serta kepercayaan masyarakat.

Selain itu, Rogers mendefinisikan pembangunan sejenis perubahan sosial yang memperkenalkan idea-idea baru ke dalam sistem sosial dengan tujuan untuk meningkatkan pendapatan per kapita dan taraf hidup masyarakat melalui penggunaan kaedah pengeluaran yang lebih moden dan struktur organisasi sosial yang lebih baik.²⁷ Definisi ini jelas menekankan bahawa pembangunan perlu disusuli oleh pertambahan pendapatan per kapita tanpa mengambil kira tentang struktur pengagihan pendapatan dalam kalangan anggota dalam masyarakat.

Seorang lagi sarjana iaitu Seers telah meyakinkan bahawa pembangunan dalam sesebuah negara hanya berlaku apabila tiga fenomena utama dapat dikurangkan daripada satu tahap yang tinggi.²⁸ Fenomena itu ialah kemiskinan, pengangguran dan ketidaksaksamaan. Sesuatu perancangan yang tidak mengambil kira ketiga-tiga fenomena tersebut belum dapat dianggap sebagai satu perancangan pembangunan.

Kesimpulannya, erti pembangunan ialah suatu proses, cara, atau langkah berubah ke arah yang lebih baik dalam kelompok masyarakat. Tegasnya, pembangunan adalah satu proses perubahan yang berlaku secara berterusan dan menyeluruh, merangkumi tiga unsur utama pembangunan ekonomi, sosial dan kemanusiaan. Pengertian yang diberikan juga merumuskan bahawa pembangunan adalah sangat

²⁷ Rogers (1960) dalam Maimunah Ismail, *Pengembangan Implikasi ke atas Pembangunan Masyarakat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989)

²⁸ Seers (1969) dalam Maimunah Ismail, *Pengembangan Implikasi ke atas Pembangunan Masyarakat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989)





penting bagi individu mahupun masyarakat. Dalam kajian ini, pembangunan merujuk kepada pembangunan pendidikan iaitu proses perubahan dalam aspek pendidikan di bawah Yayasan Sabah. Pembangunan dalam kajian ini juga memberi fokus kepada pembangunan kemanusiaan yang terlaksana secara individu dan kelompok melibatkan rakyat negeri Sabah, melalui kesedaran terhadap cara bagaimana mengupayakan manusia sebagai satu sumber yang berpotensi tinggi untuk mengambil bahagian aktif dalam membentuk masyarakat yang sejahtera.

1.9.2 Yayasan

Yayasan menurut Kamus Dewan merujuk kepada pertubuhan yang dibentuk untuk mengusahakan sesuatu. Berdasarkan Ensiklopedia Britannica, Yayasan merupakan organisasi yang dicipta dan disokong oleh wang yang diberikan oleh sekelompok manusia untuk membantu masyarakat.²⁹ Yayasan seringkali dikaitkan dengan sekolah, badan penyelidikan, badan yang mengeluarkan biasiswa. Kata yang sinonim dengan kata yayasan ialah pertubuhan, lembaga, perbadanan, persatuan dan organisasi.

Yayasan Sabah merujuk kepada sebuah organisasi yang mempunyai strukturnya yang tersendiri. Yayasan Sabah dalam kajian ini juga dimaksudkan dengan Yayasan Sabah yang tertubuh pada 4hb Mei 1966 di bawah pimpinan bekas Ketua Menteri Sabah YAB Tun Datu Hj. Mustapha.

²⁹ Ensiklopedia Britannica – *Foundation is an organization that is created and supported with money that people give in order to do something that helps society.*





Falsafah Yayasan Sabah adalah untuk memberikan sumbangan bagi meningkatkan mutu kehidupan rakyat Sabah. Yayasan Sabah melaksanakan kegiatan, program dan aktiviti berasaskan serampang dua mata, iaitu pembangunan sosial dan pembangunan komersial.

Dalam Enakmen 1966 yang telah diluluskan Dewan Undangan Negeri, terdapat 9 matlamat Yayasan Sabah yang menitikberatkan tentang perkembangan sosial masyarakat Sabah.³⁰

1.10 Pembahagian Bab



Kajian ini dibahagikan kepada enam termasuk bab pengenalan. Dalam bab I, kajian ini memulakan dengan pengenalan, permasalahan kajian, objektif, soalan kajian, kajian literatur, kepentingan kajian, skop kajian dan prosedur keseluruhan kajian ini.

³⁰ i) untuk menggalakkan peluang pelajaran semua lapisan masyarakat, ii) meluaskan bidang kegiatan rakyat Sabah di institusi-institusi pelajaran tinggi di seluruh dunia, iii) memaju dan menggalakkan bekalan kemudahan pelajaran tinggi di Sabah, iv) untuk melulus dan mengaturkan pemberian biasiswadan lain-lain bantuan pelajaran kepada badan-badan berkenaan, untuk rakyat Sabah atau warganegara Malaysia di Sabah, v) untuk menggalakkan perkembangan yang sihat dan harmonis yang benar-benar membayangkan kesedaran kebangsaan Malaysia, iaitu toleransi di kalangan pelbagai kaum, perasaan muhibah dan persefahaman di kalangan rakyat Sabah: dan untuk menjaga imej Malaysia, (vi) tertakluk kepada perenggan (5) dari seksyen ini, untuk menggalakkan perkembangan dan ungkapan berbagai kebudayaan rakyat Sabah, vii) untuk membantu dan menggalakkan pembahagian kekayaan ekonomi yang lebih saksama kepada rakyat Sabah dan warganegara Malaysia yang tinggal di Sabah, viii) untuk membantu dan memperbaiki taraf hidup warganegara Malaysia yang tinggal di Sabah, ix) memberi bantuan dan pertolongan dengan sukarela kepada organisasi-organisasi dan institusi yang ditubuh dan ditadbirkan oleh badan-badan amal, saintifik, perubatan, kebajikan, sosial, pelajaran atau lain-lain kebajikan serta menyumbangkan bantuan apabila berlakunya darurat negara atau bencana seperti banjir, kebakaran, kemarau dan lain-lain.





Bab II menerangkan sejarah Yayasan Sabah sebagai sebuah institusi yang begitu gah di negeri Sabah. Latar belakang ini memberi fokus kepada pengenalan Yayasan Sabah dari aspek sejarah penubuhannya. Dalam bab II juga dihuraikan matlamat penubuhan Yayasan Sabah, struktur organisasi, perubahan-perubahan, bangunan, pendapatan dan kejayaan-kejayaan Yayasan Sabah.

Bab III pula menghuraikan perkembangan Yayasan Sabah dalam pendidikan anak negeri. Di samping itu, program-program yang dijalankan oleh Yayasan Sabah juga dijelaskan secara terperinci di dalam bab ini. Perkembangan Yayasan Sabah dalam aspek pendidikan, fasiliti pendidikan dan aspek sosial dihuraikan dalam Bab III.

Bab IV pula menilai implikasi Yayasan Sabah terhadap perkembangan pembangunan pendidikan di Sabah. Dalam bab ini juga dijelaskan tentang implikasi Yayasan Sabah dalam perkembangan pendidikan. Bab ini menghuraikan kesan-kesan penubuhan Yayasan Sabah dalam aspek pendidikan, aspek sosial, aspek pembangunan dan aspek ekonomi.

Bab V membincangkan tentang cabaran yang dihadapi oleh Yayasan Sabah. Perkara-perkara seperti cabaran yang direntasi Yayasan Sabah dalam membangunkan pendidikan negeri dijelaskan secara terperinci dalam bab ini. Cabaran-cabaran merangkumi aspek geografi, cabaran dalam membuat penilaian, cabaran pengambilan pelajar mengikut suku kaum, cabaran tekanan ekonomi, cabaran kakitangan kurang produktif, cabaran kemudahan sekolah yang daif dan cabaran pendedahan pendidikan makanan sihat dalam kalangan ibu bapa.





Bab VI pula mengandungi penutup. Dalam bab ini, pengkaji menghuraikan secara menyeluruh mengenai kajian yang telah dijalankan. Bab ini juga memfokuskan tentang kepentingan Yayasan Sabah kepada pembangunan pendidikan di negeri Sabah. Akhir sekali rumusan kajian dihasilkan bagi menjelaskan proses dan hasil kajian.

1.11 Kesimpulan

Kesimpulannya jelaslah bahawa kajian ini penting memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang perkembangan pendidikan di bawah Yayasan Sabah sepanjang tahun 1966-2000. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk melihat peningkatan prestasi pendidikan dalam memajukan pelajar terutamanya dalam aspek akademik, kokurikulum dan sahsiah. Adalah menjadi keperluan pada masa kini untuk merungkai sumbangan Yayasan Sabah yang telah menginstitusikan tanggungjawab sosialnya sebagai satu komitmen yang dilaksanakan secara beretika. Maka dengan itu, kajian ini akan membuka lebih luas pandangan masyarakat tentang bagaimana Yayasan Sabah telah dapat mengekalkan operasinya pada masa yang sama memperkembangkan pendidikan dalam negeri Sabah. Semoga kajian ini mendapat sokongan penuh semua pihak tanpa mengira kaum dan agama agar bersama-sama meningkatkan kualiti pendidikan di Sabah melalui pemikiran budaya kerja serta pengurusan yang berkualiti.



BAB 2

LATAR BELAKANG PENUBUHAN YAYASAN SABAH

Penubuhan Yayasan Sabah telah diaktakan oleh Yang Di Pertua Negeri Dewan Undangan Negeri Sabah pada 4 Mei 1966.³¹ Yayasan Sabah dipimpin oleh bekas Ketua Menteri Sabah, YAB Tun Datu Hj. Mustapha bin Datu Harun. Penubuhan Yayasan Sabah antaranya berpunca daripada kesedaran Tun Datu Hj. Mustapha tentang kekurangan peluang dan kemudahan untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak muda Sabah dan keadaan yang tidak seimbang dari segi pemilikan kekayaan sumber kayu balak negeri dan sumber-sumber yang lain seperti perusahaan ladang kayu palpa, perusahaan kayu-kayan Sabah Melale, sewaan kedai berhadapan laut, perkapalan, kepada semua lapisan masyarakat. Sepanjang tempoh 1966-2000, terdapat sebelas

³¹ Sabah Foundation, *Yayasan Sabah dalam Pembangunan Sabah* (Kota Kinabalu: Sabah Foundation, 1979)